

PENSYARIATAN IHADAT SEBAGAI PEMBELAAN TERHADAP WANITA

Russanani @ Asiah Binti Hassan
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
No. Telefon: 013-2421500, Email: drrosnani2407@gmail.com

Abstrak

Islam adalah satu-satunya agama yang prihatin terhadap hak, perlindungan dan kebaikan wanita, termasuklah wanita yang berstatus ibu tunggal. Ibu tunggal yang dimaksudkan ialah wanita yang ketiadaan atau kematian suami. Seorang wanita yang kematian suami diwajibkan berihdad iaitu berkabung dengan melalui masa iddah selama empat bulan sepuluh hari. Kertas kerja ini akan menumpukan hukum-hukum yang berkaitan dengannya berdasarkan pendapat imam-imam mazhab. Ternyata perintah yang diwajibkan ini adalah merupakan pembelaan terhadap wanita yang sepatutnya diberi sokongan oleh semua pihak. Masyarakat Islam dan kerajaan bertanggungjawab membantu anak-anak yatim dan ibu tunggal yang berkerja dan tidak berkerja. Untuk wanita yang berkerja, kerajaan disarankan memberi cuti bergaji dalam masa menjalani iddah tersebut sama ada sepanjang tempoh atau sebahagiannya.

1. Pendahuluan

Islam menetapkan bagi seorang wanita yang kematian suami menjalani masa iddah selama empat bulan sepuluh hari, berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذْرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصُنَ بِأَنفُسِهِنَ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغُنَ أَجَلَهُنَّ
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِي أَنفُسِهِنَ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

“Orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu sedangkan mereka meninggalkan isteri-isteri maka mereka (iaitu para isteri) hendaklah menahan diri mereka (ber’iddah) selama empat bulan sepuluh hari”.

(al-Quran:al-Baqarah:234)

‘Iddah ialah satu jangka masa yang wajib dilalui oleh seseorang isteri yang baru diceraikan oleh suaminya bagi memastikan rahimnya tidak mengandung daripada benih bekas suaminya (untuk membolehkannya berkahwin dengan lelaki yang lain apabila tamat tempohnya) atau semata-mata mengabdikan diri kepada Allah atau kerana menyatakan kesedihan dengan kematian suami. (Al-Kasani,1328H:3:190)

2. Hukum Iddah

Dari segi hukumnya, iddah merupakan perkara wajib.

Terdapat tiga sebab kenapa iddah itu diperlukan:

1. Untuk mempastikan rahim perempuan itu tidak mengandung, dengan itu dapat dielakkan dari berlakunya percampuran nasab (keturunan) janin di antara nasab bapanya dengan nasab suami ibunya yang lain.

2. Untuk memberi kesedaran kepada suami isteri di atas kesilapan atau kesalahan yang telah mereka lakukan.

3. Menunjukkan kedudukan atau penghormatan kepada suaminya yang sudah tiada di dalam tempoh masa tertentu.

Bagi wanita yang sedang menjalani tempoh iddah talaq raj'i apabila suaminya meninggal dunia,maka isteri hendaklah berpindah menjalani 'iddah perempuan yang kematian suaminya, iaitu selama empat bulan sepuluh hari, tetapi jika isteri sedang menjalani 'iddah talaq bain maka 'iddahnya tidak berubah, kerana talaq bain telah memutuskan ikatannya dengan suaminya sedangkan kematian suaminya berlaku sesudah terputusnya ikatan itu, sempurnakanlah tempoh 'iddah talaqnya itu, tidak perlu berihdad (berkabung) dan sekiranya dia hamil maka dia berhak mendapat nafkah.(Al-Zuhaili,1989:7:646)

3. Maksud dan Hukum Ihdad

Ihdad pada pengertian bahasanya ialah menegah atau membatasi diri. Manakala istilah syara' ialah meninggalkan segala perhiasan dan apa sahaja yang boleh membawa kepada kategori perhiasan diri serta menarik perhatian ramai terhadap wanita tersebut seperti memakai pakaian berwarna-warni, memakai haruman, memakai barang perhiasan, memakai celak dan sebagainya yang boleh dikategorikan sebagai perhiasan.

(Al-Zuhaili:659)

Jumhur 'ulama' dari empat mazhab, Maliki, Syafi'i, Hanafi, dan Hanbali sependapat bahawa berihdad hukumnya wajib ke atas setiap isteri yang menjalani 'iddah kematian suami ('iddah wafat).(Al-Zuhaili:660) Kewajipan ini jelas menerusi al-Sunnah seperti mana diterangkan oleh Ummu 'Atiyyah r.a:

كنا ننهي ان نخد على ميت فوق ثلات الا علي زوج أربعة اشهر وعشرا ولا نكتحل ولا نتطيب ولا نلبس ثوبا مصبوغا

"Bahawa kami dilarang daripada memakai perhiasan di waktu kematian lebih daripada tiga hari melainkan di waktu kematian suami iaitu selama empat bulan sepuluh hari serta kami tidak boleh memakai kain yang berwarna".(Al-Syawkani,1832:6:295)

Dalam hadith lain pula, diriwayatkan oleh Umm Habibah r.a, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تَؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ تَحْدُ عَلَى مِيتٍ فَوْقَ ثَلَاثٍ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

"Tidak halal seorang perempuan yang beriman dengan Allah dan hari akhirat berihdad di atas kematian lebih daripada tiga hari kecuali di atas kematian suami mereka selama empat bulan sepuluh hari".(Al-Syawkani:292)

Maksud daripada kedua hadith di atas jelas menunjukkan hukum berihdad adalah wajib bagi wanita yang kematian suaminya selama empat bulan sepuluh hari. Sementara bagi kematian

kaum kerabat terdekat seperti bapa atau anak atau saudara kandung hanya diharuskan tiga hari sahaja dengan mendapat keizinan suami.

4. Ihdad Sebelum Dan Selepas Islam

Menurut sejarahnya, sebelum kedatangan Islam, ihdad telah pun menjadi amalan masyarakat ‘Arab Jahiliah. Apabila berlaku kematian suami, wanita-wanita jahiliah akan berihdad dalam keadaan melampaui batas. Mereka akan berihdad selama setahun penuh dengan memakai pakaian serba hitam justeru untuk menzahirkan rasa kesedihan dan kedukaan yang teramat sangat. Di samping itu mereka juga tidak dibenarkan berkawan-kawan dan hidup seorang diri serta menyendiri. Mereka juga tidak dibenarkan sama sekali memperlihatkan rasa kegembiraan dalam tempoh setahun perkabungan tersebut.

كانت المرأة إذا توفّي عنها زوجها دخلت حفشا ولبس شرثاً يجا و لم تمس طيباً ولا شيئاً حتى قمر بحثاً سنة ...

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذْرُونَ أَرْوَاجًا وَصِيَّةً لَا إِرْجُوهُمْ مَتَّعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرِ إِخْرَاجٍ
فَإِنْ حَرَجَنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْتُمْ فِي أَنفُسِهِنَّ مِنْ مَعْرُوفٍ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah saguhati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, Dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya. kemudian jika mereka keluar (dari tempat tinggalnya dengan kehendaknya sendiri) maka tidaklah kamu bersalah (wahai wali waris si mati) mengenai apa yang mereka (isteri-isteri itu) lakukan pada diri mereka dari perkara yang patut yang tidak dilarang syarak) itu dan ingatlah, Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(al-Quran:al-Baqarah:234)

Apabila syariat Islam diutuskan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW, amalan ihdad hanya dibataskan selama empat bulan sepuluh hari sahaja dengan beberapa kelonggaran yang dibenarkan dan menolak amalan yang boleh menyiksa wanita.(Al-Jurjawi:2:83-84)

5. Wanita Yang Berihdad Dilarang Berhias

Menurut pendapat *fuqaha'* perhiasan yang dilarang memakainya semasa isteri berihdad kerana kematian suami merangkumi semua perkara dan perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai perhiasan dan boleh menarik perhatian orang ramai kepadanya. Antara kategori perhiasan ialah memakai barang kemas, memakai celak mata, memakai wangi-wangian, memakai minyak rambut yang berbau wangi, memakai inai dan memakai pakaian berwarna-warni yang boleh dikategorikan sebagai perhiasan dan mampu menarik perhatian.(Al-Zuhaili:661-662)

Menurut Imam Malik Rahimahullah, wanita tidak ditegah daripada memakai pakaian berwarna hitam atau yang bewarna agak gelap. Begitu juga mengikut pendapat Imam Syafi'i, Hanafi dan Hanbali.(Al-Zuhaili:662)

Larangan memakai harum-haruman (perfume) sama ada di badan atau di rambut ialah bagi mengelakkan daripada mengeluarkan bau yang boleh menarik perhatian ramai serta menimbulkan nafsu syahwat. Begitu juga dengan memakai celak daripada apa jenis sekalipun kecuali Celak Parsi. Celak Parsi tidak ditegah kerana tujuan menakainya bukanlah untuk berhias atau mencantikkan diri tetapi untuk mencerahkan pandangan. Tujuan pemakaianya lebih kepada perubatan dan bukannya perhiasan.(Al-Zuhaili:661-662)

Selain daripada itu wanita berihdad juga tidak ditegah daripada memakai sesuatu di muka yang tidak menimbulkan daya tarikan seperti memakai ubat, bedak sejuk atau seumpamanya. Wanita berihdad juga dilarang memakai celak kecuali untuk tujuan berubat, sebagaimana hadith Umm Hakim binti Asid daripada ibunya:

“Bahawa suaminya meninggal dan dia mengalami kesakitan pada kedua matanya maka dia memakai celak kemudian dia pergi berjumpa Umm Salamah (isteri Rasulullah s.a.w) bertanya mengenai halnya. Maka kata Umm Salamah: Janganlah dipakaikan celak kecuali sekiranya tidak dapat tidak kerana terlalu kuat sakitnya maka bolehlah engkau memakai celak pada waktu malam dan menyapunya pada waktu siang. Kemudian Umm Salamah berkata: Nabi s.a.w datang menemui saya yang sedang berihdad di atas kematian Abi Salamah dan saya memakai celak, maka baginda bersabda: Pakailah pada waktu malam dan sapulah pada waktu siang”.(Al-Khattab,1333H:3:355-356)

Menurut pendapat Mazhab Syafi'i, haram ke atas wanita yang sedang berihdad memakai celak sekalipun kerana berhajat memakainya, berdasarkan hadith Humayd Ibn Nafi' daripada Zainab binti Abi Salamah. Telah berkata Umm Salamah:

جاءت امرأة إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالت: يا رسول الله إن ابنتي توفي عنها زوجها وقد اشتكت عينها فنكلحها؟
 فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا مرتين أو ثلاثة كل ذلك يقول لا، ثم قال: إنما هي أربعة أشهر و عشر

“Seorang wanita telah datang menemui Rasulullah SAW lalu bertanya: Wahai Rasulullah!, anak perempuan saya telah kematian suaminya dan dia mengadu sakit mata, apakah boleh kami menyuruhnya memakai celak? Nabi SAW menjawab: Jangan, sebanyak dua atau tiga kali, kemudian baginda bersabda: “Masa untuknya (berihdad) selama empat bulan sepuluh hari.....”(Al-Syawkani:296)

Hadith di atas menunjukkan haram seorang wanita yang baru kematian suaminya memakai celak pada matanya sekalipun ia berhajat memakainya (kerana sakit), sementara hadith sebelum itu mengharuskan memakai celak pada malam hari dan menyapunya pada siang hari. Untuk menghimpunkan kedua hadith di atas yang pada zahirnya nampak bercanggah, ialah dengan melihat keadaan wanita, sekiranya dia tidak mempunyai apa-apa hajat maka

tidaklah halal dia memakainya pada waktu malam dan menyapunya pada waktu siang, walaupun begitu tidak memakainya adalah lebih baik.

6. Hikmat Dan Sebab Wajib Ihdad

Hikmat seorang wanita itu meninggalkan segala perhiasan pada dirinya kerana berduakacita di atas kematian suaminya selama empat bulan sepuluh hari, ini kerana seorang janin itu sempurna segala sifatnya dan ditiupkan padanya roh ialah selepas melalui masa seratus dua puluh hari berada dalam kandungan rahim ibu iaitu dalam jangka lebih empat bulan, maka ditambah sepuluh hari lagi sebagai mengambil jalan yang lebih sedikit.

Sebab wajib ihdad ialah sebagai tanda kesedihan kaum wanita kerana telah kehilangan nikmat pakaian, perhiasan serta keperluan aksesori kecantikan dengan kematian suami kerana lazimnya keperluan tersebut disediakan oleh suami. Jika diperhatikan dewasa ini kaum wanita yang bekerja, mereka bukan sahaja mampu untuk membeli aksesori perhiasan sendiri tetapi mereka juga pastinya akan berhias apabila keluar ke pejabat. Walau apa pun alasannya kewajipan berihdad adalah satu perintah Allah Ta'ala yang mesti ditunaikan sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah tanpa perlu dipersoalkan.

Islam menetapkan iddah bagi wanita yang kematian suami juga bagi melaksanakan hak suami yang telah meninggal dunia. Allah mewajibkan isteri supaya menghormati, setia dan melayan suaminya dengan baik. Oleh itu, isteri tidak sewajarnya terus melupakan suaminya sebaik sahaja dia meninggal dunia.

Dengan tamatnya tempoh iddah dan masa berihdad selama empat bulan sepuluh hari itu maka bolehlah wanita yang bergelar balu itu berkahwin lagi.

7. Wanita Yang Kematian Suami Perlukan Pembelaan Dan Sokongan

Berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Allah kepada balu atau ibu tunggal dengan mewajibkan iddah untuk beberapa tempoh tertentu sebagai membantu wanita menyesuaikan diri menghadapi situasi diri yang berbeza dari segi adat dan undang-undang, juga memandangkan ibu tunggal terpaksa menghadapi realiti bahawa dirinya kini berseorangan dalam menguruskan rumah tangga, maka seharusnya masyarakat Islam amnya dan kerajaan khususnya memelihara keselamatan dan kehormatan wanita dengan menyediakan sistem sokongan dan jaminan sosial yang sepatutnya. Masyarakat Islam dan kerajaan bertanggungjawab membantu anak-anak yatim dan ibu tunggal yang berkerja dan tidak berkerja. Untuk wanita yang berkerja kerajaan disarankan memberi cuti bergaji sepanjang tempoh menjalani iddah tersebut. Cuti iddah perlu diberikan kerana kematian suami akan memberikan kesan yang besar keatas emosi isteri. Perasaan sedih, stres dan kemurungan akan memberi kesan kepada produktiviti kerja kakitangan wanita. Maka, pemberian cuti adalah lebih baik daripada balu itu terus berkerja dalam keadaan emosi yang tidak stabil. Balu juga perlu diberi masa untuk menyusun atur kehidupannya dan keluarga selepas kematian suami. Pemberian cuti iddah juga akan memudahkan lagi pengurusan aset dan liabiliti si mati dibuat secepat mungkin dan akan membantu pengurusan harta pusaka.

Anak-anak juga turut merasakan implikasi kehilangan bapa. Anak-anak memerlukan masa dan sokongan ibu serta ahli keluarga lain untuk menyesuaikan keadaan keluarga yang kehilangan ketuanya. Wanita kematian suami perlu diberi masa bersama anak-anak untuk mengurangkan kesan negatif kehilangan bapa. Dalam keadaan yang lain, apabila suami

meninggal dunia, maka isteri kehilangan mahram yang selama ini menjadi pelindung dirinya. Oleh yang demikian, masyarakat Islam dan kerajaan khususnya bertanggungjawab memelihara keselamatan dan kehormatan wanita dengan menyediakan sistem sokongan yang sepatutnya.

Terdapat beberapa dalil khusus berkaitan balu dan anak yatim dalam al-Quran dan al-Sunnah. Selain daripada ayat 234 surah Al-Baqarah yang menunjukkan kewajipan beriddah, hukum harus berpoligami dalam surah Al-Nisa' turut merujuk kepada pembelaan yang diberikan kepada anak yatim. Selain itu, surah Al-Nisa' juga menyatakan tentang kewajipan membahagikan harta pusaka mengikut kadar yang ditetapkan oleh syara' dan larangan memakan harta anak yatim.

Kesemua dalil ini menunjukkan keprihatinan Islam terhadap masalah ibu tunggal dan anak yatim.

8.0. Ibu Tunggal Yang Berkerja Mendapat Pembelaan

Dengan memahami sistem dan fungsi golongan wanita seumpama jantung yang mengepam kerukunan kepada sesuatu keluarga; merekalah anak, isteri, ibu, nenek, guru dan teman, maka Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha memartabatkan keperluan fungsi ini demi penghormatan kepada wanita. Pelbagai bentuk usaha telah dibuat, antaranya pengukuhan nilai moral, pendidikan, latihan kerjaya dan bantuan kewangan.

Sebagai menjaga kebijakan ibu tunggal yang berkerja, Kerajaan Negeri Kelantan terus menerajui perubahan dalam agenda berkebijakan dengan meluluskan cuti selama 30 hari dengan gaji penuh kepada kakitangan awam wanita yang kematian suami kali pertama. Sebelum itu, cuti yang diberikan adalah selama 3 hari dan bermula November 2013 cuti tersebut telah ditambah 27 hari menjadikan 30 hari jumlah cuti tersebut.

Syabas kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang cakna dengan kebijakan wanitanya dengan menjayakan Pelaksanaan Cuti Ihdad tersebut. Kita berharap wanita-wanita di negeri lain juga akan mendapat pembelaan seperti itu.

9. Kesimpulan

Seorang wanita yang kematian suami diwajibkan berihdad iaitu berkabung dengan melalui masa iddah selama empat bulan sepuluh hari. Islam menetapkan iddah bagi wanita yang kematian suami bagi melaksanakan hak suami yang telah meninggal dunia. Isteri tidak sewajarnya terus melupakan suaminya sebaik sahaja dia meninggal dunia. Memandangkan wanita yang kematian suami terpaksa menghadapi realiti bahawa dirinya kini berseorangan dalam menguruskan rumah tangga, maka seharusnya masyarakat Islam amnya dan kerajaan khususnya memelihara keselamatan dan kehormatan wanita dengan menyediakan sistem sokongan dan jaminan sosial yang sepatutnya. Untuk wanita yang berkerja kerajaan disarankan memberi cuti bergaji sepanjang tempoh menjalani iddah tersebut. Cuti iddah perlu diberikan kerana kematian suami akan memberikan kesan yang besar keatas emosi isteri. Wanita kematian suami perlu diberi masa bersama anak-anak untuk mengurangkan kesan negatif kehilangan bapa. Dalam keadaan yang lain, apabila suami meninggal dunia, maka

isteri kehilangan mahram yang selama ini menjadi pelindung dirinya. Ternyata sekali bahawa pensyariatan ihdad sebagai pembelaan terhadap wanita.

Bibliografi

1. Al-Quran al-Karim.
2. Al-Syawkani, Muhammad Ibn. ‘Ali Ibn Muhammad (1832), *Nayl al-Awtar*, Mesir:Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladuh.
3. Al-Jurjawi, ‘Ali Ahmad, (t.t), *Hikmat al-Tasyri’ wa Falsafatuh*, Qahirah:Muassasah al-Halabi wa syarikah Li al-Nasyr wa al-Tauzi’.
4. Wahbah al-Zuhaili, Dr. (1989), *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*, Damsyik:Dar al-Fikr.
5. Amin Mahmud al-Khattab, Fath al-Malik al-Ma’bud (1353H), *Syarh Sunan Abi Dawud*, Mesir:Matba’ah al-Istiqamah.
6. Mahmud Muhammad al-Khattab, (1397/1977), *al-Din al-Khalis*, Mesir: Matabi’ al-Mukhtar al-Islami, Dar al-Salam.
7. Samhani Ismail, (2016), *Membangun Bersama Islam Memartabatkan Wanita Kelantan*, Kelantan: Pusat Kajian Strategik Kerajaan Negeri Kelantan